

# Pemenang Minda Pembaca!



## Sukan berbasikal semarak gaya hidup sihat

**B**ERBASIKAL merupakan salah satu sukan yang telah lama wujud dalam kalangan masyarakat kita dan ia masih dipraktikkan hingga masa kini. Pada usia muda, kebanyakan kita telah dilatih untuk bermain basikal dan sebahagiannya telah menjadikannya sebagai hobi. Pada 8 Oktober 2017 yang lalu, pada acara Riadah Berbasikal Kayuhan Jubli Emas sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, sukan

berbasikal telah diisytiharkan sebagai hobi negara. Pada riadah tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama kerabat diraja berkenan menyertai acara berbasikal. Dalam hal ini, memperlihatkan bahawa baginda amat prihatin tentang kepentingan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat, di samping mengeratkan lagi hubungan di antara raja dan rakyat.

Dengan diisytiharkannya berbasikal sebagai hobi rasmi negara, ada terdapat tiga aspek yang bermanfaat kepada negara kita. Pertama, ia boleh memupuk minat masyarakat tak kira berapa usia mereka

dalam menjadikan aktiviti berbasikal sebagai salah satu cara untuk beriadah agar mereka sentiasa sihat. Kedua, aktiviti berbasikal juga boleh mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam masyarakat. Contohnya, pada hujung minggu, para ibu bapa boleh membawa anak-anak mereka mengikuti aktiviti berbasikal di mana-mana tempat yang telah disediakan contohnya, di kawasan Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin semasa acara Bandarku Ceria.

Ketiga pula, dengan munculnya berbasikal sebagai hobi negara, ia boleh menjana ekonomi negara pada jangka masa hadapan. Contohnya, dengan konsistennya aktiviti berbasikal setiap minggu, iaitu semasa Bandarku Ceria, ia akan meramaikan lagi orang-orang yang menceburi bidang perniagaan setiap minggu dan ini akan menurunkan kadar pengangguran di Brunei, khususnya dalam

kalangan belia dan seterusnya menjana ekonomi negara kita. Tambahan pula, dengan meningkatnya wakil kontinjen sukan bagi Negara Brunei Darussalam yang bersaing di luar negara seperti Sukan SEA, dalam jangka masa yang panjang, negara kita boleh melahirkan wakil kontinjen dalam acara berbasikal pula.

Akhir kata, kita sebagai rakyat hendaklah bersama-sama menyokong titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menjadikan berbasikal sebagai hobi negara kerana ia adalah bermanfaat bagi kita semua dalam pelbagai aspek.

**Nama : Awang Md. Wazien Naufal bin Awang Azmain**  
**No. K/P : 01-072955 (K)**  
**Alamat : No. 11, Simpang 462-86-37, Kampung Sungai Tilong, Jalan Muara, BC3315, Negara Brunei Darussalam.**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

#### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Langkah-Langkah Mengatasi Pencemaran Air'. Tarikh Tutup : 1 November 2017
2. 'Hayati dan Amalkan Al-Quran Dalam Kehidupan'. Tarikh Tutup : 8 November 2017
3. 'Tanamkan Sikap Bersopan Santun Dalam Masyarakat Kita'. Tarikh Tutup : 15 November 2017

#### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca  
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
 Lapangan Terbang Lama, Berakas  
 Bandar Seri Begawan, BB3510  
 Negara Brunei Darussalam.  
 atau melalui  
 E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

## UNISSA terima pelawat dari LKKN, Indonesia

### Tarikh tamat permohonan sijil halal, 20 November

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 31 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah mengingatkan pengusaha-pengusaha makanan di negara ini terutama yang belum menghadapkan permohonan Sijil Halal atau Permit Halal supaya akan dapat menghadapkan permohonan tersebut sebelum 20 November 2017, iaitu tarikh tamat tempoh peralihan (grace period).

Menurut Siaran Akhbar KHEU, ia adalah berdasarkan Bab 4 (2) dan Bab 10 (1) dan (3) Perintah Sijil Halal dan Label Halal yang menyatakan bahawa adalah diwajibkan bagi pengusaha-pengusaha makanan di negara ini untuk menghadapkan permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal atau Permit Halal dalam masa enam (6) bulan dari 20 Mei 2017. Iaitu tarikh bermula kuatkuasa Perintah Sijil Halal dan Label Halal, (Pindaan) 2017.

Sehubungan itu, dijelaskan bahawa pengusaha-pengusaha makanan yang beroperasi sebelum 26 Mei tahun ini hendaklah memohon Sijil Halal atau Permit Halal sebelum 26 November ini.

Bagi pengusaha-pengusaha makanan yang beroperasi pada atau selepas 26 Mei lalu hendaklah memohon Sijil Halal atau Permit Halal dalam masa enam bulan dari tarikh ia mula beroperasi.

Borang Permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal atau Permit Halal (Borang 'E') boleh diperolehi di Kaunter Permohonan Bahagian Kawalan Makanan Halal di keempat-empat daerah juga boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi KHEU, [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn).

Borang yang lengkap berserta dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dihadapkan ke Pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di daerah yang berkenaan. Untuk maklumat lanjut sila layari [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn).



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan silaturahmi dari Lembaga Kajian Khazanah Nusantara (LKKN), Jakarta Timur, Indonesia.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 30 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menjadi tumpuan kepada masyarakat luar negara dengan adanya kunjungan silaturahmi dari Lembaga Kajian Khazanah Nusantara (LKKN), Jakarta Timur, Indonesia.

Delegasi tersebut merupakan sebuah lembaga yang bergiat aktif dalam bidang informasi, penelitian, dokumentasi dan penerbitan khazanah Islam di Nusantara.

Kunjungan LKKN, Indonesia ini diketuai oleh Ketua Lembaga berkenaan Sayyid Ali bin Yahya

#### Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

dan diiringi oleh seramai 15 peserta terdiri daripada para guru, tokoh masyarakat dan ahli perniagaan.

Rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan Pegawai-Pegawai Eksekutif UNISSA.

Tujuan lawatan ini adalah untuk menerokai peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan yang melibatkan pakar akademik UNISSA juga perkongsian

ilmiah yang dilaksanakan oleh pihak LKKN. Kunjungan ini juga membuka jalan ke arah memperkenalkan lagi program-program yang ditawarkan di UNISSA untuk diikuti oleh masyarakat antarabangsa.

Majlis diakhiri dengan sesi dialog dan pertukaran cenderahati sebagai simbol bahawa UNISSA dan LKKN akan terus bekerjasama dalam bidang kajian ilmiah dan akan merancang program-program yang relevan dengan UNISSA.